

ASNB FINANCIAL PLANNING SOLUTION PACKAGE 2025

A. Terma dan Syarat

1. Kempen

- 1.1 "ASNB Financial Planning Solution Package" ("Pakej") yang dianjurkan oleh Amanah Saham Nasional Berhad (No. Pendaftaran 197901003200 (47457-V)) ("ASNB") ini adalah gabungan pelaburan dalam unit amanah Harga Berubah terpilih yang terlibat dalam Pakej, ("VP yang Terlibat") dan di unit amanah Harga Tetap yang terlibat dalam Pakej ini, ("FP yang Terlibat") (secara kolektif sebagai "Unit Amanah yang Terlibat"), yang bergantung pada ketersediaan unit bagi setiap Dana yang terlibat, kelayakan dan kesesuaian pelabur dan berdasarkan kaedah 'siapa cepat dia dapat'.
- 1.2 Pakej ini akan berlangsung dari 1 September hingga 31 Disember 2025 ("Tempoh Pakej"), atau tertakluk pada ketersediaan unit amanah FP, yang mana lebih awal.
- 1.3 Pakej ini ditawarkan secara dalam talian melalui kaunter ASNB sepanjang Tempoh Pakej.
- 1.4 ASNB berhak untuk mengubah, menangguh, menjadualkan semula dan/atau melanjutkan Tempoh Pakej pada bila-bila masa mengikut budi bicara mutlaknya tanpa notis awal.
- 1.5 Dengan menyertai Pakej ini, Pelabur Layak (sebagaimana didefinisikan di bawah) akan dianggap telah membaca dan memahami sepenuhnya, dan setuju untuk terikat dengan terma dan syarat Pakej ini ("Terma & Syarat") seperti yang dinyatakan di sini.

2. Kriteria Kelayakan

- 2.1 Pakej ini terbuka kepada semua warganegara Malaysia, termasuk pelabur baharu dan sedia ada ASNB, serta kakitangan Permodalan Nasional Berhad (Nombor Pendaftaran: 197801001190 (38218-X)) dan kumpulan syarikatnya ("Kumpulan PNB"), bersama ahli keluarga terdekat mereka (pasangan dan anak-anak). Kelayakan adalah tertakluk kepada kriteria yang ditetapkan bagi "Pelabur Layak" seperti yang dinyatakan dalam Prospektus Induk, Prospektus Induk Tambahan (jika ada) (secara kolektif dirujuk sebagai "Prospektus"), dan Helaian Penerangan Produk yang berkaitan, yang boleh didapati di laman web rasmi ASNB di www.asnb.com.my.
- 2.2 Pelabur yang tidak mempunyai pelaburan sedia ada dalam unit amanah VP dan FP yang terlibat tidak perlu membuat pelaburan permulaan.
- 2.3 Walau bagaimanapun, berikut merupakan mereka yang tidak layak untuk menyertai Pakej ini:
 - a. pelabur bukan individu, iaitu mana-mana syarikat, badan korporat, pertubuhan, kelab, sekolah, masyarakat, pertubuhan bukan menguntungkan, pemilik tunggal, perkongsian dan pengamal profesional yang didaftarkan atau diperbadankan didalam mahupun di luar Malaysia;
 - b. individu yang diisyiharkan muflis atau dihukum bankrap; dan/atau
 - c. sesiapa sahaja yang ASNB membuat keputusan pada bila-bila masa untuk dikecualikan mengikut budi bicara mutlaknya tanpa memberikan sebarang alasan.

3. Mekanisma Pakej

- 3.1 Unit amanah ASNB yang terlibat dan caj jualan untuk Pakej ini disenaraikan seperti dibawah:

Kategori Unit Amanah	Pakej	Nama Unit manah	Caj Jualan
VP yang Terlibat	1	ASN Sara 1 ASN Sara 2 ASN Sukuk	1.00%
	2	ASN Equity 5 ASN Imbang 1	
FP yang Terlibat	1 & 2	ASM	Tiada

- 3.2 Pelabur Layak mesti melabur dalam Pakej dengan kadar minimum Ringgit Malaysia Sepuluh Ribu (RM10,000.00) sahaja. Oleh itu, jumlah pelaburan bagi setiap unit amanah (di kedua-dua unit amanah yang terlibat) adalah berdasarkan nisbah pelaburan seperti perincian jadual dibawah:

Kategori Unit Amanah	Mekanisma			
	Nama Unit Amanah	Nisbah Pelaburan	Pelaburan Minimum	Amaun Pelaburan
Pakej 1:				
VP yang Terlibat	ASN Sara 1 / ASN Sara 2 / ASN Sukuk	30%	RM10,000.00	RM3,000.00
FP yang Terlibat	ASM	70%		RM7,000.00
Pakej 2:				
VP yang Terlibat	ASN Equity 5 / ASN Imbang 1	40%	RM10,000.00	RM4,000.00
FP yang Terlibat	ASM	60%		RM6,000.00

- 3.3 Caj jualan yang terpakai bagi VP yang Terlibat adalah seperti yang dinyatakan dalam perenggan 3.1 di atas. Pada waktu pelaburan dibuat dalam VP yang Terlibat, sebarang tawaran, promosi dan/atau diskain ke atas caj jualan tidak akan terpakai kepada Pelabur Layak.
- 3.4 Pelaburan dalam setiap FP yang Terlibat bergantung kepada ketersediaan unit. Unit-unit tersebut akan diperuntukkan kepada Pelabur Layak secara segera dan layak untuk pengagihan pendapatan (jika ada) pada bulan berikutnya setelah unit FP yang Terlibat berjaya diagihkan kepada para Pelabur Layak.

- 3.5 Bagi setiap langganan Pakej, jumlah pelaburan dalam kedua-dua unit amanah yang Terlibat akan tertakluk kepada Tempoh Terkunci selama 1 bulan (Pakej 1) atau 3 bulan (Pakej 2) dari tarikh langganan (Tempoh Terkunci). Sepanjang tempoh terkunci ini, sebarang pengeluaran (redemption), pemindahan keluar (transfer-out), dan pertukaran keluar (switching-out) unit di bawah Pakej tidak dibenarkan. Contoh Tempoh Terkunci bagi pelbagai tarikh langganan ditunjukkan dalam jadual di bawah.:

Pakej	Tarikh Langganan	Tarikh Mula Tempoh Terkunci	Tempoh Terkunci	Tarikh Tamat Tempoh Terkunci
1	2 Sept 2025	2 Sept 2025	1 Bulan	1 Oct 2025
2	2 Sept 2025	2 Sept 2025	3 Bulan	1 Dis 2025

- 3.6 Pembatalan langganan Pakej ini atau pengeluaran awal sebelum tamat Tempoh Terkunci adalah tidak dibenarkan, kecuali dalam keadaan tertentu seperti pelaksanaan hak tempoh bertenang.
- 3.7 Pelabur Layak yang melabur dalam mana-mana VP yang Terlibat buat kali pertama akan diberi hak tempoh bertenang selama enam (6) hari bekerja bermula dari tarikh langganan Pakej. Selama tempoh ini, unit amanah FP yang Terlibat yang dilanggan akan dipegang oleh ASNB, dan akan dikreditkan ke akaun Pelabur Layak setelah tamat hak tempoh bertenang. Sekiranya pelabur memilih untuk melaksanakan hak tempoh bertenang, jumlah keseluruhan pelaburan dalam Pakej, termasuk unit FP yang Terlibat, akan dibayar dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja bermula dari tarikh pelaksanaan hak tempoh bertenang ini.
- 3.8 Pelaburan melalui Employee Provident Fund Member Investment Fund (EPF-MIS) tidak boleh dilaksanakan menerusi Pakej ini.
- 3.9 Pelaburan melalui pertukaran masuk (switch-in) dan pindahan masuk (transfer-in) tidak terpakai untuk Pakej ini.

B. **Terma dan Syarat Lain**

1. Setiap Pelabur Layak bersetuju bahawa dengan menyertai Pakej ini, Pelabur Layak membenarkan dan bersetuju ASNB untuk:
 - a. mengumpul, menyimpan, memproses dan menggunakan semua maklumat dan data peribadi yang telah diberikan oleh Pelabur Layak kepada ASNB semasa penyertaan dalam Pakej ini termasuk gambar Pelabur Layak dan/atau pemenang, jika ada, ("Data Peribadi") selaras dengan dasar privasi ASNB seperti yang dinyatakan di laman web rasmi ASNB di www.asnb.com.my; dan
 - b. mendedahkan dan berkongsi Data Peribadi dengan kumpulan syarikat kami, ejen yang diberi kuasa dan penyedia perkhidmatan (yang telah bersetuju untuk memastikan kerahsiaan Data Peribadi anda) bagi tujuan menyediakan produk dan perkhidmatan kami kepada anda atau sebarang perkhidmatan berkaitan serta tujuan-tujuan lain yang berkaitan selaras dengan keperluan undang-undang yang berkenaan, tanpa sebarang bayaran atau pampasan.
2. Semua Pelabur Layak bagi Pakej ini akan bertanggungjawab secara peribadi terhadap semua cukai, kadar, yuran kerajaan, atau caj lain yang mungkin dikenakan ke atas mereka di bawah undang-undang yang terpakai berhubung dengan ganjaran dan Pakej ini.

3. Terma dan Syarat yang meliputi Unit Amanah yang Terlibat adalah di luar dari Terma & Syarat. Ciri-ciri Unit Amanah yang Terlibat terkandung dalam Prospektus dan Halaman Serahan Produk yang berkaitan. Pelabur Layak diminta untuk mematuhi semua terma dan syarat berkaitan dengan pelaburan dalam unit amanah yang terlibat yang dipilih, dan semua Terma & Syarat.
4. Pelaburan di dalam Unit Amanah yang Terlibat adalah bukan merupakan tanggungjawab atau jaminan oleh pihak ASNB dan ianya tertakluk kepada risiko pelaburan, termasuk kemungkinan kerugian daripada jumlah pokok yang dilaburkan. Pelabur Layak adalah dinasihati untuk membaca dan memahami Prospektus dan Halaman Serahan Produk yang berkaitan Unit Amanah yang Terlibat yang berkenaan sebelum melabur.
5. Pelabur Layak juga harus mempertimbangkan semua yuran dan caj yang terlibat sebelum melabur. Prestasi masa lalu Unit Amanah yang Terlibat bukanlah petunjuk prestasi untuk masa hadapan. Harga seunit dan agihan pendapatan yang perlu dibayar (jika ada), mungkin turun dan juga naik bergantung kepada prestasi pasaran. Pelabur Layak harus bergantung kepada penilaian mereka sendiri untuk menilai kelebihan dan risiko pelaburan. Pelabur Layak yang mempunyai keraguan mengenai tindakan yang harus diambil harus segera berjumpa dengan penasihat profesional mereka.
6. Untuk mengelakkan keraguan, pembatalan, penggantungan, penamatan atau pemanjangan tempoh Pakej tidak akan memberi hak kepada Pelabur Layak atau orang lain untuk membuat sebarang tuntutan atau pampasan terhadap ASNB atas sebarang dan semua kerugian atau kerosakan yang dialami atau ditanggung oleh Pelabur Layak tersebut atau orang lain sebagai akibat langsung atau tidak langsung daripada tindakan pembatalan, penggantungan, penamatan atau pemanjangan tersebut.
7. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, ASNB tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kerosakan atau kerugian, samada secara langsung atau tidak langsung, yang berlaku berkaitan dengan Pakej ini.
8. ASNB juga tidak boleh dipertanggungjawabkan jika berlaku sebarang kejadian bencana semula jadi, perang, rusuhan, mogok, sekatan, tindakan perindustrian, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, pandemik, kegagalan teknikal atau sistem atau sebarang kejadian yang di luar kawalan ASNB.
9. ASNB berhak untuk meminda, memendek, membatal, menggantung atau menamatkan Pakej ini sama ada secara keseluruhan atau sebahagian atau untuk mengubah, memadam atau menambah mana-mana Terma dan Syarat pada bila-bila masa tanpa notis awal kepada Pelabur Layak.
10. Terma dan Syarat ini, termasuk sebarang pindaan, pemadaman atau penambahan, akan mengatasi mana-mana peruntuhan atau representasi yang terkandung dalam bahan promosi, sama ada bercetak atau elektronik, yang mengiklankan Pakej ini.
11. Terma & Syarat ini tertakluk kepada undang-undang Malaysia dan Pelabur Layak perlu patuh kepada bidang kuasa eksklusif pengadilan Malaysia.
12. Terma dan Syarat ini dikeluarkan dalam kedua-dua Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris. Sekiranya terdapat perselisihan, percanggahan atau konflik antara Terma & Syarat versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu, Terma & Syarat versi Bahasa Inggeris akan terpakai.